

Ulu Pulau dilanda banjir lagi

SENAI – Kurang tujuh jam banjir yang melanda Kampung Ulu Pulau dan Kampung Pulau di Gelang Patah surut, sepuluh keluarga di situ sekali lagi diuji.

Biarpun sudah lali dengan keadaan banjir yang kerap berlaku berikutan air pasang di Sungai Pulau dan hujan lebat musim monsun, keletihan mengharungi banjir tetap dirasakan.

Menurut Ketua Kampung Ulu Pulau, Abdul Aziz Layong, banjir kali ini merupakan kali keempat terpaksa dilalui penduduk tahun ini.

“Memang sudah biasa berhadapan dengan banjir, cuma simpati terhadap mereka yang terlibat. Selaku ketua saya te-

lah memaklumkan bencana ini kepada pihak terlibat agar mereka boleh mendapatkan bantuan.

“Banjir yang berlaku Sabtu lalu, memecah paras pinggang dan surut pada jam lima pagi Isnin. Selepas reda, hujan lebat pula di tengah hari lalu menyebabkan air naik sehingga 1.5 meter,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Sementara itu, salah seorang penduduk, Rohaizad Mohd Ali, 45, berkata, mereka sudah menjangka banjir akan melanda semula berikutan keadaan air pasang.

“Kami memang tidak cuci rumah atau kemas barang kerana memang sudah jangka banjir datang kembali.

Sekarang ini pun kami di tahap berjaga-jaga kemungkinan banjir akan berlaku kali ketiga.

“Semua mangsa memang keletihan dan penat, sehingga jam 2 pagi (semalam) air tidak surut lagi,” katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan lebih 40 penduduk di situ terpaksa mengharungi banjir sedalam 1.5 meter selama 17 jam selepas hujan tanpa henti dari jam 12 tengah hari hingga 5 petang.

Keadaan itu didakwa berpunca daripada air pasang di sungai berdekatan perkampungan itu, yang difahamkan pintu air dan bentengnya tidak berfungsi.



Abdul Aziz (dua, kiri) turut membantu mangsa banjir.